

Pelbagaiakan usaha pupuk perpaduan Keluarga Malaysia

Oleh NUR HASMIRA MOHAMAD

KUALA LUMPUR: Presiden Gabungan Mahasiswa Islam Se-Malaysia (GAMIS), **Mohd Izzuddin Aziz** berkata, undi 18 tahun memberikan manfaat kepada ahli politik, parti-parti politik tertentu dan kerajaan akan datang.

Namun fokus utama untuk pembangunan sebuah masyarakat mementingkan perpaduan khususnya untuk membentuk anak muda mencintai negara dan oleh orang politik.

Mohd Izzuddin mendadangkan dalam usaha memupuk perpaduan dalam kalangan generasi muda yang terdiri daripada pelbagai bangsa, kerajaan disarankan memperbaikkan karya hiburan dengan mengadaptasikan sejarah negara ini.

Ujarnya, hiburan betunsur sejarah bukan sahaja mendedahkan kepada pengetahuan malah perlahan-lahan meresap unsur perpaduan supaya anak bangsa khususnya orang muda memupuk semangat cintakan tanah air.

"Saya memetik kata-kata pengulas sebelum saya yang menyebut tentang masyarakat yang teras yang perlu menyelesaikan konflik (perpaduan) ini maka saya melihat adalah separuh ini kita boleh memahaminya.

"Mungkin dari sudut pemahaman ahli-ahli akademik sahaja yang faham, namun bagaimana pula nasib masyarakat awam yang hendak memahami sejarah itu lebih mendalam?," ujarnya yang mencadangkan pemfileman sejarah negara sebagai usaha memahamkan masyarakat tentang sejarah negara.

Mohd Izzuddin berkata demikian dalam forum Sidang Meja Bulat UMMAH: Perpaduan Nasional Keluarga Malaysia, di Hotel Tentera Bangi dekat sini, pada Ahad.

Program berkenaan menghimpunkan ahli-ahli akademik, badan-badan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), NGO, ketua-ketua persatuan agama dan sebagainya.

La membincangkan topik perpaduan nasional dalam Keluarga Malaysia. Undangan khas secara atas talian dihadiri Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Idris Ahmad.

Mohd Izzuddin memberi contoh kaya pemfileman yang dihasilkan di Turki yang

menceritakan pembentukan kerajaan Uthmaniyyah secara tidak langsung mendidik generasi di Turki untuk memahami profil sejarah pembentukan negara mereka.

"Apa yang saya lihat di sini, di peringkat hubungan boleh diterapkan ataupun diselektkan bagaimana pembinaan sejarah di peringkat anak muda ataupun di bangsa kurang diberi penekanan oleh orang politik.

"Kalau kita lihat di Turki mereka ataupun siri-siri yang menyentuh tentang kerajaan Uthmaniyyah, bagaimana pembinaan aktual ke hari ini yang mana ia memberikan satu fenomena yang besar bukan sahaja di Turki tetapi juga di negara yang berada di bawah jajahan Uthmaniyyah dulu.

"Jadi, ini yang menjadikan negara kita (boleh) mengambil contoh seperti Turki, bagaimana mereka membiasakan masyarakat ini dengan hiburan yang memberikan manfaat taitu dengan menanamkan sejarah dan nilai-nilai agama bangsa di dalam itu.

"Supaya mereka dapat membuka mata masyarakat agar mereka ada sifat rasa kasih sayang dan juga semangat perpaduan itu sendiri," ujar Mohd Izzuddin.

Melonlarkan pendapat, Rakan Siswa YADM (RSV), **Seow Han Lin** berkata isu perpaduan masih menjadi topik perbincangan meskipun negara sudah mencapai kemerdekaan selama 65 tahun.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan satu inisiatif jangka masa panjang dan pendek perlu dilakukan membabitkan agensi kerajaan dan NGO daripada pelbagai latar belakang supaya menekankan elemen sejarah tanah air.

"Sejarah itu bukanlah hanya untuk kita ketahui, bukanlah

hanya untuk dibaca dalam buku teks sejarah, tetapi sejarah itu perlu dihayati, tetapi sejarah itu teladan untuk sepanjang hayat dan dijadikan pedoman selama-lamanya.

"Daripada sejarah itulah maka kita dapat memahami realiti sebenar tanah air ini bagaimana proses mendapatkan kemerdekaan, bagaimana proses membina negara bangsa menjayakan Keluarga Malaysia Malaysia, daripada situah kita dapat membina identiti Keluarga Malaysia yang sebenar dan juga

menyakinkan Keluarga Malaysia bolehlah mencontoh atau merujuk seperti Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang haruslah ditambah baik di mana dalam inisiatif tersebut para peserta atau mana-mana yang menyertainya boleh hidup secara bersama, hidup secara susah senang bersama umpanma berada dalam sebuah keluarga besar.

"Maka di situah persetahaman dan juga keharmonian dapat dijavakan," ujar Han Lin.

Beliau juga menyenyum semua pihak mendukung bahasa Melayu supaya dapat dipertahankan sampai bila-bila kerana ia merupakan lambang identiti dan ciri masyarakat di negara ini.

"Kalau bukan kita yang yang berada di sini untuk mendukung bahasa Melayu yang merupakan bahasa kebangsaan bangsa Malaysia, siapa lagi yang dapat mempertahankannya," kata Han Lin.

Naib Presiden 2 GAMIS, **Muhammad Rasydan Junuh** pula membangkitkan persoalan mengenai sejauh kaum di negara ini bersedia merealisasikan Keluarga Malaysia.

"Sebagai contoh, kalau di sekolah vernakular, kita ada silibus-silibus sejarah, bahasa Melayu dan sebagainya tetapi bagaimana dengan sekolah-persendirian Cina, sekolah persendirian India dan sebagainya, bagaimana penerapan silibus pendidikan di sekolah tersebut," soal Muhammad Rasydan.

Dalam lontarannya itu, beliau menekankan perpaduan bermula dari rumaht idikan ibu bapa pemikiran anak-anak.

Mewakili suara mahasiswa, Muhammad Rasydan berkata Institut Pengajian Tinggi (IPT) juga perlu memainkan peranan untuk mentorarkan perpaduan dalam hasrat mewujudkan Keluarga Malaysia.

"Saya melihat peranan IPT itu untuk menggembungkan,

tenaga untuk meraisasikan perpaduan ini, sebagai contoh di universiti saya, ataupun saya tanya rakan-rakan di universiti, pihak pentadbiran universiti atau pun mana-mana unit dalam universiti ini saya dapat jarang melaksanakan program-program berbentuk perpaduan.

"Siapa yang laksanakan perkara ini? Yang melaksanakan perkara ini adalah daripada perkara ini adalah daripada pelajar sendiri, daripada manifesto pelajar itu sendiri yang melaksanakan.

"Itupun kalau ada. Kalau tidak ada maka tidak adalah di universiti itu bagi satu tempoh yang terentu," ujar Muhammad Rasydan.

Dia turut sepandpat dengan pengalaman sebelum daripadanya yang menyarakkan Rukun Negara sebagai tetapan dikenakan sejak dahulu.

"Saya ambil contoh satu yang pertama adalah Kepercayaan kepada Tuhan, saya yakin dan percaya bahawa mana-mana agama memang cintakan keamatan. Kalau sebut perpaduan kita boleh bersatu, tetapi apa yang menghalang mana-mana agama dan bangsa untuk berpecah untuk mengkerukuhkan keadaan itu.

"Seterusnya pemerkasaan integrasi antara kementerian-kementerian serta memerhatikan inisiatif kementerian-kementerian sama atau Kementerian Hal Ehwal Sukan, Kementerian Perpaduan Negara, Jabatan Perdana Menteri, pelbagai inisiatif dilaksanakan.

"Maka pemerkasaan integrasi dengan kementerian-kementerian ini perlu diperkasa sebagai contoh saya bagi, hari ini Jabatan Perdana Menteri Hal Ehwal Agama mengeluarkan buku untuk Keluarga Malaysia, maka buku ini hendak dibawa ke mana? Adakah ke IPT untuk perbincangan kita sahaja, buku ini pada hemat saya perlu diwacanakan di peringkat universiti.

"Kalau dalam bahasa Arab kita panggil daurah atau 'roadshow' untuk menerangkan tentang buku tersebut termasuklah dengan dasar perpaduan negara ini.

"Saya percaya kalau ditanya kepada mahasiswa mahasiswa ini tahu tak mereka tentang dasar perpaduan negara ini. Saya yakni cuma sedikit daripada mereka yang tahu.

"Maka perkara ini kita dah ada di peringkat perancangan cuma di peringkat bawah ini, bagaimana untuk kita menyambutnya, bagaimana nak diperkasakannya dan bagaimana untuk dihayatinya," ulasnya panjang lebar.



Memupuk semangat perpaduan di kalangan ahli keluarganya sebagai satu perkara yang paling asas.



Rakan Siswa YADM (RSV), Seow Han Lin
Naib Presiden 2 GAMIS, Muhammad Rasydan Junuh